

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

### PruBSN Asas360

**Disediakan Khas untuk:**

CONTOH

*Contoh PDS ini berdasarkan seorang lelaki sihat berusia 30 tahun (umur hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Jumlah Perlindungan Rider sebanyak RM50,000. Bagi sebut harga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda, sila rujuk ejen anda untuk nasihat peribadi dan rujuk PDS dan ilustrasi produk sebenar anda.*

**Prepared by:** PruBSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

**PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

**Accidental Protector Plus****LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK****Pelanggan yang dihormati,**

Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang rider takaful kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

**PRUDENTIAL BSN****TAKAFUL****PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD**

Tarikh: 13/02/2026

**1 Apakah Accidental Protector Plus?**

Accidental Protector Plus ialah rider penolakan unit yang dilampirkan kepada PruBSN Asas360, dan membayar jumlah yang dilindungi atas kematian atau TPD akibat kemalangan, atau suatu peratusan daripada jumlah yang dilindungi atas hilang upaya akibat kemalangan sebelum ulang tahun sijil pada umur 70 tahun pada hari lahir yang akan datang. Selain itu, rider ini turut membayar elaun ihsan apabila berlaku kematian.

Akaun dan konsep Syariah yang terpakai di bawah Accidental Protector Plus adalah sama dengan pelan asas, PruBSN Asas360.

*Nota: Penerangan produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.*

**2 Ketahui Perlindungan/Manfaat anda?**

Sebagai ilustrasi, bagi rider penolakan unit ini dengan Jumlah Perlindungan Rider sebanyak RM 50,000.00, anda akan menerima perlindungan/manfaat berikut untuk 40 tahun:




Manfaat		Amaun/% Jumlah Perlindungan
<b>A. Elaun Ihsan</b>		
• Kematian semulajadi		RM2,000
• Kematian akibat kemalangan		RM4,000
a) Kematian akibat kemalangan di luar negara		RM6,000
<b>B. Manfaat Kematian &amp; Hilang Upaya akibat Kemalangan</b>		
<b>Kejadian:</b>		
Kematian Orang yang Dilindungi		100%
Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh		100%
<b>Hilang Upaya Kekal, Menyeluruh dan Tidak boleh dipulihkan:</b>		
Hilang dua anggota		100%
Hilang kedua-dua belah tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari		
Hilang semua penglihatan kedua-dua belah mata		100%
Hilang tangan pada atau di atas paras pergelangan tangan		100%
Hilang kaki pada atau di atas paras pergelangan kaki		100%
Hilang semua penglihatan sebelah mata		100%
Hilang semua penglihatan sebelah mata kecuali persepsi cahaya		50%
Hilang kanta pada sebelah mata		50%
Hilang pertuturan		50%
Hilang empat jari dan ibu jari		70%
Hilang empat jari		40%
Hilang ibu jari	- kedua-dua ruas	30%
	- satu ruas	15%
Hilang Jari	- tiga ruas	10%
	- dua ruas	7.5%
	- satu ruas	5%
Hilang Metakarpus	- pertama atau kedua (tambahan)	3%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Hilang semua jari kaki sebelah kaki		15%
Hilang ibu jari kaki	- kedua-dua ruas	5%
	- satu ruas	2%
Hilang jari kaki lain, setiap satu		2%
Patah kaki atau tulang patela yang tidak boleh disambung		10%
Pemendekan kaki sekurang-kurangnya 2.5 cm		7.5%
Hilang pendengaran	- kedua-dua belah telinga	75%

Hilang pendengaran	- sebelah telinga	15%
Hilang seluruh telinga	- kedua-dua belah	6%
	- sebelah	3%
<b>C. Pampasan Dua Kali Ganda</b> 2 kali ganda jumlah di bawah (ii) akan dibayar untuk kemalangan yang terjadi: <ul style="list-style-type: none"> <li>• semasa Orang yang Dilindungi dalam perjalanan dengan menggunakan sebarang pengangkutan awam yang digerakkan secara mekanik; atau</li> <li>• semasa Orang yang Dilindungi berada di dalam gerabak lif (tidak termasuk lif dalam lombong dan tempat pembinaan); atau</li> <li>• berikutan pembakaran teater, hotel atau bangunan awam lain yang mana Orang yang Dilindungi berada di tempat kejadian semasa kebakaran bermula.</li> </ul>		Sehingga 200%

*Nota: Penerangan perlindungan/manfaat di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.*

<p><b>Rider takaful kemalangan diri anda menegucialikan :</b></p> <p><b>Manfaat kemalangan, jika pada masa kematian, kehilangan atau kecacatan, mana-mana peristiwa berikut berlaku akibat daripada:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>mengambil dadah atau narkotik kecuali seperti yang ditetapkan untuk perubatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan yang bertauliah;</li> <li>pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator;</li> <li>mabuk dadah atau narkotik atau alkohol; atau</li> <li>memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.</li> </ol> <p><b>Manfaat kemalangan, jika kematian, kehilangan atau kecacatan disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana satu daripada yang berikut:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>perang atau sebarang tindakan perang atau penaklukan atau tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, rusuhan atau campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa, penyertaan langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;</li> <li>sebarang pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau penentangan terhadap penangkapan;</li> <li>percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti penganasan atau melakukan sebarang kesalahan jenayah atau aktiviti penganasan;</li> <li>bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras;</li> <li>kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya, (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;</li> <li>terlibat atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, selam skuba, sebarang acara perlumbaan, sebarang penerbangan udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat penumpang komersial berlesen yang beroperasi dalam laluan yang berjadual atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya (termasuk terjun lelabah, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjun udara), melainkan telah dipersetujui melalui pengendorsan khas;</li> <li>sebarang bentuk penyakit atau penyakit akibat sebab bukan kemalangan; atau</li> <li>sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan jangkitan cacing.</li> </ol> <p><i>Nota: Senarai pengecualian di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk senarai penuh pengecualian.</i></p>
---

Jika anda memerlukan bantuan atau mempunyai sebarang soalan mengenai rider takaful kemalangan diri anda, anda boleh:

 <p><b>Hubungi PruBSN di:</b> 03-2775 7188</p>	 <p><b>Email PruBSN di:</b> <a href="mailto:customer@prubsn.com.my">customer@prubsn.com.my</a></p>	 <p><b>Lawati* PruBSN di:</b> <a href="https://www.prubsn.com.my/ms/riders/accidental-protector-plus/">https://www.prubsn.com.my/ms/riders/accidental-protector-plus/</a></p>
---	---	--

\*Yakinlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pada pautan.

### 3 Ketahui Kewajipan anda?

Untuk rider penolakan unit takaful kemalangan diri anda, kos rider telah termasuk di dalam sumbangan pelan asas anda.	
Sumbangan Perlindungan	Penolakan <i>Tabarru'</i> bagi rider akan ditolak setiap bulan daripada PUA pelan asas bagi membayar perlindungan rider. Sila rujuk kepada PDS PruBSN Asas360
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Total Upfront <i>Wakalah Charge</i> , which includes:	Sila rujuk kepada PDS PruBSN Asas360.
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komisen, dan</li> <li>• Perbelanjaan Pengurusan</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Caj-caj terpakai lain</li> </ul>	

### 4 Terma-terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kepentingan Pendedahan :</b> anda mestilah mendedahkan semua fakta yang relevan seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Orang yang Dilindungi dengan betul. Kewajipan pendedahan anda adalah berterusan sehingga sijil takaful dikeluarkan. Jika tidak, tuntutan anda mungkin ditolak atau sijil takaful ditamatkan.</li> <li>• <b><i>Tabarru'</i> Tidak Dijamin :</b> Kami boleh menyemak semula kadar potongan <i>Tabarru'</i> pada ulang tahun sijil dengan memberikan notis bertulis 90 hari sebelum sumbangan dan/atau kadar <i>Tabarru'</i> yang disemak berkuat kuasa pada ulang tahun sijil yang berikutnya.</li> <li>• <b>Tempoh menunggu :</b> tidak akan ada tempoh menunggu terpakai untuk Faedah Kemalangan.</li> <li>• <b>Pertukaran Pekerjaan, Advokasi &amp; Sukan :</b> Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang pertukaran pekerjaan, advokasi atau aktiviti sukan Orang yang Dilindungi kerana ia boleh mempengaruhi sumbangan, terma, syarat dan manfaat produk.</li> </ul> <p><i>Nota: Terma-terma utama di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk senarai penuh terma-terma.</i></p>
---

### ? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

<p>Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tempoh Rujukan Percuma:</b> Anda boleh membatalkan sijil anda (iaitu pelan asas dan rider yang dilampirkan) dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sila rujuk PDS PruBSN Asas360 mengenai Tempoh Rujukan Percuma.</li> <li>• <b>Notis Bertulis:</b> Anda boleh membatalkan rider ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pembatalan rider akan berkuat kuasa pada ulang tahun bulanan sijil yang berikutnya selepas permohonan anda diluluskan secara bertulis oleh kami.</li> </ul>
--